



Majlis Konvokesyen Ke-11  
 Institut Pengajian Tinggi Al-Zuhri  
 Andalus Corporation Pte Ltd  
 Pusat Pendidikan Cordova

**PANDUAN GRADUAN**

Kami mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua graduan Diploma & Sarjana Muda kerana telah berjaya menamatkan pengajian di Al-Zuhri, Andalus dan Cordova.

Sehubungan itu, dengan hormatnya kami mengundang anda ke Majlis Konvokesyen Institut Pengajian Tinggi Al-Zuhri & kerabat yang ke-11 yang akan diadakan sepertimana butiran berikut:

**Tarikh** : Sabtu, 14 September 2024  
**Masa** : 2:30 petang – 5:30 petang  
**Tempat** : Singapore EXPO & MAX Atria  
 Garnet 213 - 218 (Level 2)  
 1 EXPO Drive, #02-01,  
 Singapore 486150

**1. PEMBAYARAN YURAN**

**1.1. YURAN PENYELESAIAN PENGAJIAN & KONVOKESYEN**

a) Kadar yuran bagi setiap program adalah seperti berikut:

Bil	Jenis Bayaran	Kadar Bayaran	Cara Pembayaran
1	<b>HADIR            KONVOKESYEN</b>  Tempoh pembayaran: 17 Julai - 20 Ogos 2024	<b>\$160</b> <b>Semua Program</b>  - Termasuk \$20 deposit - dikembalikan setelah pelajar pulangkan pakaian akademik - Menggunakan pakaian akademik dari Al-Zuhri	<b>Paynow</b> UEN AL-ZUHRI: 201101911W UEN ANDALUS: 200107045C UEN CORDOVA: 200514884C  <b>Reference No:</b> KONVO24 Centre Code Name NRIC (last 4 numeric) e.g : KONVO24WIAHMAD856A ▲ <b>CENTRE CODE AL-ZUHRI:</b> Wisma Indah = WI / Marsiling = MS / Teck Whye = TW ▲ <b>CENTRE CODE ANDALUS:</b> Ang Mo Kio = AK / Bukit Batok 2 = BT Changi = CN / Teck Whye = TW Jurong West 3 = JT / Marsiling = MS / ▲ <b>CENTRE CODE CORDOVA:</b> Kovan = KV / Loyang = LY
		<b>\$140</b> <b>Program SMPI</b>  - Menggunakan pakaian akademik khas dari UIKA yang telah dibeli	
2	<b>TIDAK HADIR            KONVOKESYEN</b>  Tempoh pembayaran: 17 Julai - 20 Ogos 2024	<b>\$100</b> <b>Yuran Penyelesaian Pengajian</b>  - Yuran ini meliputi pembayaran administratif penyelesaian pengajian & pensijilan. - Yuran ini perlu dibayar oleh semua pelajar Diploma ke atas sebelum menuntut Sijil & Transkrip Akademik	<b>Bukti Bayaran perlu dimuat naik ke pautan berikut:</b> <a href="https://tinyurl.com/graduationfee2024">https://tinyurl.com/graduationfee2024</a>

- b) Kegagalan graduan untuk membuat bayaran yuran penyelesaian pengajian & konvokesyen akan menyebabkan proses-proses seterusnya TIDAK BOLEH DILAKUKAN iaitu:-
- mengambil pakaian akademik;
  - menghadiri Majlis Konvokesyen; dan
  - mengambil Sijil dan Transkrip Akademik.
- c) Bayaran yuran iaitu bayaran wajib perlu dilunaskan selewat-lewatnya pada **15 Ogos 2024**.

## 1.2 YURAN / LAIN-LAIN BAYARAN / HUTANG TERTUNGGAK

- a) Graduan yang mempunyai yuran/lain-lain bayaran tertunggak PERLU menjelaskan semua pembayaran sebelum minggu pengambilan pakaian akademik bagi melancarkan urusan pengambilan kelak.

### NOTA PENTING:-

- Graduan yang tidak hadir ke majlis konvokesyen juga perlu menjelaskan yuran penyelesaian pengajian untuk menuntut sijil dan transkrip. Untuk sebarang pertanyaan mengenai yuran, sila berhubung dengan pegawai di institusi masing-masing.
- Yuran Konvokesyen yang dibayar tidak akan dikembalikan sekiranya graduan menarik diri daripada menghadiri upacara konvokesyen ini.

## 2. PENGAMBILAN PAKAIAN AKADEMIK

- a) Tarikh pengambilan pakaian akademik adalah seperti berikut:

Tarikh	Sesi	Masa	Lokasi
24– 30 Ogos 2024	Isnin - Jumaat	9.00 pg – 1.00 tgh	Blk 3017 Ubi Road 1, Kampong Ubi Industrial Estate, #02-129 Singapore 408708
		2.00 ptg – 4.30 ptg	
	Sabtu -Ahad	9.00 pg – 3.00 ptg	

- b) Para graduan **diwajibkan** hadir pada masa yang ditetapkan atas urusan pengambilan pakaian akademik. Sila paparkan bukti bayaran kepada pegawai pada sesi pengambilan.
- c) Pengambilan pakaian akademik selepas dari tempoh di atas TIDAK AKAN diuruskan.

## 3. PERATURAN PAKAIAN RASMI GRADUAN

Setiap graduan diminta untuk mematuhi kod etika pemakaian yang dinyatakan di bawah semasa menghadiri majlis konvokesyen:

**Graduan Lelaki** : Kemeja putih berlengan panjang  
Seluar hitam  
Songkok hitam  
Kasut formal berwarna gelap

**Graduan Perempuan :** Jubah/baju kurung  
Tudung berwarna krim  
Kasut bertutup yang tidak bertumit tinggi

## SYAHSIAH GRADUAN

### **Graduan Lelaki**

Rambut hendaklah pendek dan kemas, tidak diwarnakan, tidak menutup telinga, tidak melepasi kening dan tidak menyentuh kolar baju. Pemakaian subang/rantai/anting-anting tidak dibenarkan sama sekali.

### **Graduan Perempuan**

Hanya baju kurung atau jubah sahaja dibenarkan. Solekan dan pemakaian barang kemas hendaklah tidak keterlaluan.

### **NOTA PENTING:-**

Pemakaian selipar, capal, sandal, kasut sukan adalah tidak dibenarkan sama sekali.

Pihak urusetia konvokesyen berhak untuk tidak membenarkan graduan menyertai upacara konvokesyen ini sekiranya para graduan tidak mematuhi peraturan rupa diri yang telah ditetapkan.

## **4. PENGESAHAN KEHADIRAN KE MAJLIS KONVOKESYEN**

- a) Setiap graduan yang diundang ke majlis konvokesyen 2024 perlu berikan pengesahan kehadiran (RSVP) bersama tetamu ke majlis melalui pautan berikut:  
<https://www.zuhri.com.sg/majliskonvokesyen-11>
- b) Pengesahan kehadiran perlu dilakukan selewat-lewatnya **31 Julai 2024**
- c) Setiap graduan yang hadir dibenarkan membawa **1 orang tetamu** untuk masuk ke dalam dewan

## **5. PENDAFTARAN GRADUAN DI MAJLIS KONVOKESYEN**

- a) Graduan yang hadir pada hari penganugerahan dikehendaki mendaftarkan diri di meja pendaftaran dengan mengikuti panduan yang diberikan oleh para petugas.
- b) Semua graduan tidak dibenarkan meninggalkan dewan sehingga selesai Majlis Konvokesyen.
- c) Masa pendaftaran adalah bermula dari jam **1.15 tgh**.
- d) Para graduan dan tetamu dikehendaki untuk berkumpul di dewan Konvokesyen, selewat-lewatnya jam **2.15 ptg**.
- e) Graduan perlu pastikan menerima **Kad Nama** sebelum masuk ke dewan.

## **6. PANDUAN KEPADA GRADUAN SEMASA MAJLIS KONVOKESYEN**

- a) Penganugerahan Ijazah Sarjana Muda dan Diploma akan disempurnakan oleh Tetamu Kehormat dan Ahli Lembaga Pengarah.
- b) Tuan/Puan akan diarahkan untuk beratur di tepi dewan mengikut susunan program pengajian (sila ikut arahan pegawai).
- c) Berikan Kad Nama (yang sudah diambil di meja pendaftaran) kepada pengerusi majlis untuk diumumkan nama tuan/puan.
- d) Apabila nama tuan/puan diumumkan, sila berjalan naik ke pentas, berikan **Kad Nama** kepada pengerusi majlis, lalu terus ke arah Tetamu Kehormat/Ahli Lembaga Pengarah, berhenti di bahagian penanda di atas pentas, tunduk sebagai tanda hormat dan menerima Sijil dengan kedua-dua belah tangan sambil mengucapkan "Terima Kasih".

## 7. PEMULANGAN PAKAIAN AKADEMIK

1. Wang pendahuluan \$20 akan dikembalikan sewaktu pemulangan pakaian akademik bagi program Diploma.
2. Tempoh pemulangan sehingga **27 September 2024** (sila rujuk maklumat di bawah)

Tarikh	Sesi	Masa	Lokasi
21– 27 September 2024	Sabtu -Ahad	9.00 pg – 3.00 ptg	Blk 3017 Ubi Road 1, Kampong Ubi Industrial Estate, #02-129 Singapore 408708
	Isnin - Jumaat	9.00 pg – 1.00 tgh	
		2.00 ptg – 4.30 ptg	

3. Denda sebanyak \$10 setiap hari jika lewat memulangkan pakaian tersebut setelah tarikh yang ditetapkan. (*pejabat tidak beroperasi pada hujung minggu selain dari tarikh yang dinyatakan di atas*)
4. Denda tambahan sebanyak \$50 akan dikenakan sekiranya:
  - Terdapat kerosakan pada pakaian tersebut seperti koyak, berlubang dan sebagainya.
  - Hilang.
5. Sebarang pemulangan setelah tempoh yang dinyatakan perlu menerusi **temu janji** dengan institusi masing-masing.

## 8. PENGAMBILAN SIJIL DAN TRANSKRIP AKHIR

1. Graduan yang HADIR pada majlis Konvokesyen akan diberikan Sijil dan Transkrip Akademik selepas memulangkan pakaian akademik di alamat yang tertera di atas.
2. Graduan yang TIDAK HADIR majlis Konvokesyen boleh mengambil sijil dan transkrip akhir setelah selesai Majlis Konvokesyen bermula **Sabtu, 21 September 2024** mengikut institusi masing-masing seperti di bawah:

**Zuhri:** Pejabat Al-Zuhri, 448 Changi Road #04-07, Wisma Indah, S419975

**Cordova:** Pejabat Cordova, Blk 474 Pasir Ris Dr 6, #B1-568, S510474

**Andalus:** Cawangan pengajian masing-masing

*\*Pelajar digalakkan untuk menghubungi pejabat sebelum datang untuk mengambil sijil*

3. Pengambilan sijil dan transkrip akhir hendaklah dibuat dalam tempoh tidak melebihi **3 bulan** dari tarikh Majlis Konvokesyen.
4. Graduan dikehendaki memastikan semua yuran dilunaskan terlebih dahulu sebelum sijil dan transkrip akhir didapatkan daripada pihak institusi.

## 9. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan sila hubungi:

Zuhri	Andalus	Cordova
Talian: 63449252 Emel: info@zuhri.com.sg	Emel: khairulnizah@andalus.com.sg	Emel: rasidah@cordova.com.sg

## 10. LAIN-LAIN PERKARA

- Graduan yang berkeperluan khas kurang upaya yang memerlukan bantuan semasa majlis seperti berkerusi roda diminta memaklumkan kepada pihak sekretariat.

**SEKIAN, TERIMA KASIH**

